

RANDAI, persembahan teater tradisi dengan gaya bercerita melalui tarian dan lakonan. Persembahan ini dipaparkan melalui gaya bahasa berirama seperti gurindam, berdedang dan berlagu. Randai merupakan kreativiti



Persembahan randai

yang menjadi tradisi kelompok Minang di Malaysia dan Indonesia, yang mengamalkan adat perpatih. Di Malaysia, randai terdapat di Negeri Sembilan dan Selangor. Persembahannya mirip gaya bahasa Minang loghat daerah di Negeri Sembilan.

Randai dipersembahkan di kawasan lapang atau penjas jenis arena. Penyampaian cerita penting melalui peranan pemain dalam satu lingkungan atau bulatan. Beberapa orang pemain akan membuat satu bulatan untuk mengawal persembahan. Mereka bertindak sebagai penlendang atau korus. Dua atau tiga orang pemain boleh masuk ke kawasan tengah bulatan untuk melakonkan secara langsung sesuatu episod dalam penceritaan itu. Pelakon akan memegang prop mengikut keperluan cerita untuk menimbulkan kesan dalam lakonan.

Di kalangan orang Minangkabau di Sumatera, randai mempunyai struktur persembahan yang disusun kepada empat bahagian. Bahagian pertama dan akhir ialah perarakan masuk dan perarakan keluar. Bahagian kedua ialah prolog dan bahagian ketiga ialah lakonan. Perarakan masuk pemain dan pemuzik randai ke kawasan gelanggang permainan dilakukan dalam skema satu atau dua barisan, dengan pemuzik mengepalai perarakan. Setelah pemain membuat bulatan, para pemuzik akan keluar untuk mencari sudut yang sesuai di kalangan penonton. Perarakan keluar dilakukan setelah persembahan selesai. Gelanggang pemuzik masuk ke gelanggang untuk menyambut dan mengiringi pemain keluar dalam gaya barisan seperti perarakan masuk. Bahagian prolog bersifat tarian dan yang paling popular ialah tarian jenis pencak silat Melayu. Bahagian lakonan adalah pengisahan melalui lakonan kisah. Antara prolog dengan lakonan kadangkala dialankan bersilih ganti iaitu setiap lakonan disisip dengan arian. Cerita-cerita yang dipersembahkan ialah kaba Minangkabau seperti Sabai nan Aluih.

Randai menggunakan alat muzik salung atau bansi (alat tiupan jenis serunai) dan caklempong (alat muzik jenis paluan). Kostum pemain randai terbahagi kepada dua gaya, iaitu gaya pesilat dengan sepasang baju dan celuar longgar berwarna hitam dan kostum mengikut peranan yang diperlukan dalam penghantaran lakonan.

Randai merupakan bentuk seni tradisi yang masih dimainkan untuk tujuan keramaian seperti untuk menghibur tetamu dalam sesebuah majlis kenduri, keramaian adat atau keramaian kerajaan tempatan.